



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO
No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

KENYATAAN MEDIA

1. UMNO mengambil perhatian secara serius sebarang isu pelanggaran disiplin mahupun perlakuan yang boleh dianggap menyalahi peraturan dan menyanggahi Perlembagaan parti.
2. Sehubungan dengan itu juga Lembaga Disiplin UMNO diberikan kuasa penuh dan berkecuali untuk menyiasat, memperhalusi dan mengambil tindakan wajar atas sebarang kes-kes pelanggaran disiplin yang berlaku.
3. Fasal 20.9 (f) dalam Perlembagaan UMNO jelas menggariskan prinsip penting untuk setiap ahli "Memelihara nama baik dan maruah parti" dan tidak melakukan apa sahaja bentuk tindakan, perlakuan, penulisan mahupun percakapan yang boleh ditafsirkan menyanggahi prinsip ini.
4. Penyertaan mana-mana ahli dalam satu-satu pakatan yang tidak dianggotai UMNO atas nama apa sekalipun juga turut diperincikan dalam Fasal 20.11 Perlembagaan UMNO.
5. Justeru, saya menyeru ahli-ahli UMNO untuk kekal bersatu dan bersetia dengan wadah yang menjadi induk penting dalam Kerajaan Perpaduan hari ini untuk terus memelihara Islam dan memartabatkan agenda Melayu-Bumiputera sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan UMNO.

DR. ASYRAF WAJDI DUSUKI
25 Ogos 2023

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

